

01 OCT 1996

PETRONAS/PROTON MAJUKAN KENDERAAN MONOGAS, PM LANCAR TEKSI NGV

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Petronas dan Proton telah secara bersama memajukan kenderaan monogas yang mesra alam.

Ini, kata perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, "amat baik bagi memajukan industri kenderaan gas asli (NGV) bukan saja di Malaysia tetapi juga di rantau ini."

Beliau kemudian melancarkan prototaip teksi NGV Malaysia pada pameran dan persidangan antarabangsa kali kelima mengenai kenderaan gas asli hari ini di sini.

Teksi yang dilancarkan itu merupakan satu daya usaha kebangsaan untuk memajukan pengangkutan awam yang mesra alam, cekap dan amat sesuai untuk memenuhi keperluan penumpang.

Enjin monogas NGV dalam prototaip itu mengurangkan pengeluaran karbon monoksida sehingga sebanyak 64 peratus dan pengeluaran nitrogen oksida dan hidrokarbon sebanyak kira-kira 25 peratus.

Dr Mahathir berharap agar kenderaan monogas dapat diterima sebagai sebahagian daripada program Asean untuk mengatasi masalah pencemaran udara di rantau ini.

"Ke arah itu, kerjasama lebih rapat mesti dipupuk di semua peringkat - tempatan, serantau dan antarabangsa, kerana pencemaran udara adalah tanpa sempadan," katanya.

Pada persidangan berita selepas itu, Dr Mahathir berkata penerimaan Asean bagi gas asli adalah penting kerana Malaysia sahaja tidak dapat mengadakan penawaran yang dapat mengurangkan kos berkaitan.

Beliau berkata bagi daya usaha projek kenderaan monogas, Petronas memperolehi alat-alat yang diperlukan daripada Renault.

Dalam persidangan berita berasingan, pengerusi Petronas Tan Sri Azizan program untuk menjadikan gas asli sebagai bahan api pilihan lain yang bersih.

"Kami menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk menimbulkan kesedaran tentang kemungkinan menggunakan gas sebagai bahan api pengangkutan," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan jumlah pelaburan yang dibuat oleh Petronas dan Proton dalam projek itu.

"Hampir semua R&D adalah terhadap pengubahan monogas dan mengenai tempat letak tangki (bahan api)," katanya sambil menambah bahawa R&D berkaitan tempat letak tangki adalah untuk menentukan ia tidak akan menggunakan ruang yang banyak dalam but kenderaan.

"Kami akan berunding dengan pihak-pihak yang berminat untuk memajukan lagi NGV, termasuk pemerdagangan," katanya sambil menambah bahawa setakat ini hanya Proton akan menjadi rakan untuk pengeluaran komersil.

Ketua pegawai eksekutif Petronas Datuk Hassan Marican berkata prototaip teksi NGV "hanya dilancarkan pagi ini...tiada orang lain yang tahu mengenainya."

Beliau berharap kereta itu akan menjadi teksi Asean, tetapi menjelaskan bahawa projek itu tidak bermakna yang Petronas akan memasuki industri pengeluaran automobil.

"Ia adalah sumbangan kami kepada R&D negara ini," katanya.

Ditanya sama ada Petronas akan akhirnya menjual teknologi itu, beliau berkata: "Kita lihat sajalah apa yang akan berlaku."

Mengenai bila prototaip itu akan melalui pengeluaran secara komersil, Hassan berkata ia akan bergantung kepada pengujian dan kelulusan

pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Beliau berkata Petronas dan Proton mengambil masa 18 bulan untuk menyiapkan R&D untuk prototaip itu. -- BERNAMA

AD SIA